

bahawa agama rasmi hanya agama tunggal dalam upacara dan di dalam perayaan-perayaan sahaja tetapi pada amalnya tidak demikian itu. Kita melihat perkembangan-perkembangan agama yang dilakukan, yang dibantu dan disokong, diutamakan ialah soal-soal mengenai mendirikan masjid. Tetapi soal-soal mengenai dengan isi masjid atau pengisi masjid yang bersabit sekelilingnya yang demikian itu boleh kita katakan dibutakan. Kita tidak tahu bagaimana yang demikian itu boleh terjadi. Adakah kerana masjid-masjid itu tempat orang beramai-ramai dan dapat dilihat kesannya sedang bagi membendung pengisi-pengisi masjid itu tidak akan dapat nampak dan tidak akan berfaedah kepada perkembangan-perkembangan politik tanah air ini.

Kita melihat di hadapan mata dengan tidak dapat dinafikan bahawa tiap-tiap kerja yang dijalankan dan yang disalurkan, sesudah berseru menegakkan agama maka di sana sini pemimpin-pemimpin kita yang beragama Islam yang mengaku memeluk dan setia kepada undang-undang Islam sendiri melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan ajaran-ajaran Islam. Bahkan tidak di situ sahaja, di dalam bahagian-bahagian kementerian ada pula yang menggalakkan kepada kemajuan-kemajuan yang bersifat kebaratan bagi pemuda-pemuda dan melupakan sama sekali tanggungjawab yang mesti dilakukan terhadap kepada ajaran-ajaran agama.

Telah pada tempatnyalah supaya kementerian itu sendiri mengadakan pendidikan-pendidikan di dalam kelab-kelab belia dengan pendidikan-pendidikan Islam supaya pemuda-pemuda itu sebenarnya menjadi pemuda-pemuda Islam yang akan bertanggungjawab kepada agamanya. Di dalam corak yang seumpama ini janganlah

dijadikan sebab kelak persoalan politik yang menjadi galangan. Kalau yang demikian ini dilakukan maka mereka itulah yang akan bertanggungjawab kelak di hadapan Tuhan *Rabb al-Jalil*. Mereka patut beringat-ingat di dalam soal yang seumpama ini.

* * *

Bahasa Persatuan Islam

Di dalam rumusan-rumusan yang dikemukakan oleh seksi yang membincangkan “Pendidikan Islam di Malaysia” di dalam Kongres Kemajuan Islam yang telah diadakan pada awal minggu bulan Ogos di Kuala Lumpur itu ada suatu perkara yang mustahak menjadi perhatian bukan sahaja bagi kita umat Islam di Semenanjung Tanah Melayu ini tetapi juga bagi seluruh umat Islam di seantero dunia, iaitu tentang mengenai pelajaran bahasa Arab dan al-Qur’ān di sekolah-sekolah agama patut diperhatikan dengan bersungguh-sungguh.

Tidak dapat dinafikan bahawa bahasa Arab iaitu bahasa al-Qur’ān ialah bahasa persatuan seluruh umat Islam di dalam dunia. Bahasa ini adalah bahasa yang mustahak sekali kalau kita mahu menegakkan berdirinya persatuan di dalam negara-negara Islam.

Di dalam masa penjajahan-penjajahan Barat di sebelah Timur, di Timur Tengah, dan di Afrika, maka dengan sengaja bahasa Arab itu atau bahasa al-Qur’ān, cuba diketepikan dan dihidupkan oleh mereka dua bahasa yang utama yang digunakan di dalam dunia hari ini iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Perancis. Dengan demikian apabila ada perjumpaan-perjumpaan di antara umat Islam sendiri maka tiga

bahasa adalah menjadi bahasa-bahasa yang digunakan iaitu bahasa-bahasa Inggeris, Perancis dan Arab. Padahal sepatutnya sebagai umat Islam tentulah bahasa Arab sahaja yang digunakan dalam perjumpaan itu kerana ia menjadi bahasa al-Qur’ān, bahasa perpaduan bagi seluruh umat Islam.

Memang bahasa penjajah untuk membunuh majunya bahasa al-Qur’ān itu sememangnya ada dengan tidak disedari dengan menimbulkan perasaan-perasaan kepada peminat-peminatnya bahawa bahasa al-Qur’ān itu adalah bahasa yang membawa kepada kemunduran dan tidak dapat buat seseorang berhidup di dalam kumpulan di dunia ini. Dengan demikian maka penjajah-penjajah itu menanamkan bahasa Inggeris dengan menghidupkan semula semangat-semangat di dalam bahasa itu menjadikan penganutnya atau pengikut-pengikutnya gemar bekerja kepada mereka dan dijadikanlah hanya dengan adanya bahasa itu mereka dapat hidup di dalam pertadbiran-pertadbiran negara – dan apabila mereka hanya mengetahui bahasa al-Qur’ān maka kehidupan mereka di dalam segi pertadbiran akan terjauh dan akan terkebelakang.

Pada masa itu, umumnya tidak menyedari betapa halusnyalah jarum yang dimasukkan oleh penjajah-penjajah itu, Inggeris dan Perancis, memasukkan bahasa-bahasa mereka ke dalam daerah jajahannya untuk menghapuskan pengaruh-pengaruh bahasa al-Qur’ān. Mereka menyedari bahawa dengan pengetahuan-pengetahuan, dengan pelajaran-pelajaran bahasa al-Qur’ān itu maka umat-umat yang dijajahnya akan lekas menimbulkan kebangkitan menentang mereka, akan sedar kepada diri mereka dijajah dan diperkosa. Dengan kerana itu maka